

S.J.K. (T) RAWANG
UJIAN BULANAN JUN
BAHASA MELAYU
PEMAHAMAN

Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca dialog bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan berikutnya.

<i>Penjual</i>	:	Sayur..., sayur..., sayur sawi, buncis, bendi, kangkung ... semua ada.
		Beli sayur, puan?
<i>Puan Ani</i>	:	Berapa harga sekilogram kacang panjang itu?
<i>Penjual</i>	:	RM1.20, puan. Puan hendak berapa kilogram?
<i>Puan Ani</i>	:	Beri saya sekilogram.
<i>Penjual</i>	:	Baiklah, sayur apa lagi, puan?
<i>Puan Ani</i>	:	Berapa harga sekilogram daun salad dan petola ini?
<i>Penjual</i>	:	Daun salad harganya RM2.20, petola pula RM1.90.
<i>Puan Ani</i>	:	Mahalnya. Tidak bolehkah kurangkan sedikit harga salad itu?
<i>Penjual</i>	:	Harga ini memang berpatutan, puan.
<i>Puan Ani</i>	:	Tidak mengapalah. Timbangkan setengah kilogram daun salad dan dua kilogram petola.
<i>Penjual</i>	:	Baik, puan.
<i>Puan Ani</i>	:	Beri saya tauge 60 sen, dan sekilogram sawi. Kirakan jumlah kesemuanya.
<i>Penjual</i>	:	Semuanya berharga RM8.30, puan.
<i>Puan Ani</i>	:	Nah RM 10.
<i>Penjual</i>	:	Ini bakinya. Terima kasih, puan.
<i>Puan Ani</i>	:	Sama-sama.

1 Di manakah dialog antara Puan Ani dan penjual itu berlaku?

- A** Pasar
- B** Pasar raya
- C** Pusat membeli belah
- D** Kedai runcit

2 Berikut adalah bahan yang dijual oleh penjual tersebut, kecuali

- A** kacang buncis
- B** kacang panjang
- C** tauge
- D** bawang

- 3 Berapakah harga daun salad yang dibeli oleh Puan Ani?
A RM 1.10
B RM 2.10
C RM 4.40
D RM 7.90
- 4 Berapakah harga sekilogram sayur sawi?
A RM 3.00
B 70 sen
C RM 7.70
D RM 1.60
- 5 Puan Ani membeli _____ jenis sayur.
A empat
B lima
C enam
D tujuh

Soalan 6 hingga Soalan 10

Baca iklan di bawah. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

INSTITUT KEMAHIRAN NASIONAL

Pengambilan Pelajar Sesi 2003 – 2004

Institut Kemahiran Nasional menawarkan kursus-kursus kemahiran kepada sesiapa yang inginkan hidup yang cemerlang pada masa hadapan.

Kursus-kursus yang ditawarkan:

1. Diploma Pendalian Komputer
2. Diploma Membaiki Komputer
3. Diploma Membaiki Alat-Alat Elektrik
4. Diploma Perakaunan
5. Diploma Pentadbiran Perniagaan

Cara-cara memohon:

Borang-borang permohonan serta maklumat lanjut boleh di dapati daripada Pendaftaran IKN, Bangunan Daya Alam, Peti surat 6667 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan.

Kelayakan

1. Berumur antara 18 – 26 tahun
 - a) Kursus-kursus 1, 2 dan 3 sekurang-kurangnya lulus SPM dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik
 - b) Kursus-kursus 4 dan 5
Lulus SPM dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik

ATAU

Hantarkan sampul surat berukuran 13 cm x 26 cm beralamat sendiri dan bersetem 60 sen ke alamat di atas.

Tarikh Tutup permohonan:
Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah sampai ke alamat di atas pada atau sebelum 15 Mei 2003.

- 6 Berapa lamakah seorang pelajar perlu menamatkan pengajiannya di Institut Kemahiran Nasional.
 - A Setahun
 - B Dua tahun
 - C Tiga tahun
 - D Empat tahun
- 7 Di manakah letaknya Institut Kemahiran Nasional?
 - A Di Klang Utara
 - B Di Klang Selatan
 - C Di Bangunan Daya Maju
 - D Di Selangor Darul Ehsan
- 8 Param mempunyai kelulusan SPM dengan kepujian dalam Mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Kursus yang layak dimohon oleh Param ialah
 - A Kursus Diploma Pengendalian Komputer
 - B Kursus Diploma Membaiki Komputer
 - C Kursus Diploma Membaiki Alat-Alat Elektrik
 - D Kursus Diploma Perakaunan
- 9 Mengapakah kamu perlu menghantar sampul surat beralamat sendiri dan bersetem?
 - A Supaya borang permohonan dapat dihantar kepada kamu secepat mungkin
 - B Supaya pendaftar dapat berkenalan dengan kamu
 - C Supaya surat itu tidak sesat
 - D Supaya pihak institut dapat melihat tulisan kamu

- 10 Apakah yang kamu perlu lakukan setelah menerima borang permohonan?
- A Melengkapkannya dan menghantarnya sebelum 15 Mei 2003
 - B Melengkapkannya dan menghantarnya selepas 15 Mei 2003.
 - C Menyimpannya di dalam almari buku
 - D Menghantarnya semula tanpa melengkapnya.

Soalan 11 hingga Soalan 15

Baca petikan rencana di bawah. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Negara kita Malaysia mempunyai pelbagai jenis burung yang cantik dan bebas berterbangan ke sana dan ke mari. Antaranya termasuklah burung belatuk, merak, bayan, raja udang, bangau, dan banyak lagi.

Kenalkah kamu pada burung punai gading? Nama saintifik bagi burung ini ialah *Treron Vernans*. Hampir keseluruhan bulu pada burung ini berwarna hijau. Burung punai jantan berbeza daripada burung punai betina.

Bagaimanakah kamu hendak membezakan burung punai jantan dengan burung punai betina? Burung punai jantan mempunyai kepala berwarna kelabu dengan leher berwarna merah gelap dan setompok warna oren. Manakala burung punai betina mempunyai bulu yang keseluruhannya berwarna hijau dan sedikit warna coklat merah gelap di bawah ekornya.

Burung punai ini terdapat di Asia Tenggara. Burung jenis ini mudah ditemui di kawasan hutan tanah rendah dan kawasan paya bakau serta di kaki bukit kawasan pedalaman.

Burung punai gading selalunya terbang secara berkumpulan yang terdiri daripada dua puluh ekor atau lebih. Burung ini biasanya mencari makan dan tidur dalam kumpulan.

Makanan burung punai gading adalah buah-buahan hutan, biji-bijian dan pucuk kayu yang lembut.

- 11 *Tretron Vernans* adalah nama saintifik bagi burung
- A merak
 - B belatuk
 - C punai gading
 - D bayan

- 12 Punai jantan dikenali melalui
- A bulu yang berwarna kelabu di kepala serta leher yang merah gelap dan bertompok oren.
 - B bulu yang berwarna hijau serta coklat gelap di bawah ekor.
 - C bulu yang berwarna kelabu di kepala dan coklat merah di leher.
 - D bulu yang berwarna oren di leher dan hikau di seluruh bahagian badannya.
- 13 Di manakah burung ini ditemui?
- A Asia
 - B Asia Fasifik
 - C Asia Tenggara
 - D Pahang Tenggara
- 14 Berikut ini merupakan kawasan kegemaran burung punai gading, **kecuali**
- A sawah
 - B paya bakau
 - C kaki bukit
 - D hutan tanah rendah
- 15 Burung ini hidup secara
- A bersendirian
 - B berkumpul
 - C berpasangan
 - D berpecah

Soalan 16 hingga Soalan 20

Baca surat kiriman di bawah. kemudian, jawab soalan-soalan berikutnya.

50, Jalan Melati, Pauh,
Taman Asia Jaya,
41200 Klang,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Menemui adinda Azam di Jordan, semoga berada dalam keadaan yang sihat dan sejahtera. Bagi kanda dan keluarga di tanah air sihat seperti biasa.

Adinda yang diingati,

Surat adinda yang bertarikh 2 April 2003 telah selamat kanda terima semalam. Gembiranya hati kanda setelah mendapat khabar daripada adinda. Tentu seronok berada di negeri orang. Walaupun kehidupannya berbeza, tetapi adinda dapat menyesuaikan diri dengan cepat. Yang pentingnya adinda dapat menjaga diri dengan baik.

Bagaimana keadaan cuaca di sana? Tentunya panas kerana dikelilingi dengan padang pasir yang luas. Di tanah air sekarang ini telah mula hujan. Untuk pengetahuan adinda, sekarang ini musim tengkujuh. Negeri-negeri di pantai timur telah mula dilanda banjir.

Bagaimana dengan perkembangan pelajaran adinda? Kanda dan keluarga sentiasa mendoakan agar adinda berjaya dalam pelajaran. Belajarlah dengan tekun agar segala yang adinda cita-citakan tercapai.

Sekianlah sahaja yang dapat kanda tuliskan. Akhir kata, sambutlah salam kerinduan daripada kanda dan keluarga.

Sekian, Terima kasih.

Yang benar,
Abdullah Ismail

Soalan 21 hingga Soalan 30

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi mengisi tempat kosong.

- 21** Pertandingan tarik tali itu terpaksa kerana hujan lebat.
A dimansuhkan
B dihalang
C dibatalkan
D dibasmi
- 22** Anggota polis sedang pengedar-pengedar dadah di rumah buruk itu.
A mengintip
B mengintai
C meneliti
D menonton
- 23** Azmi berjalan ke pejabat sambil fail di ketiaknyanya.
A menjunjung
B membimbit
C mengepit
D mengelak
- 24** hujan lebat, kawasan perumahan itu tidak pernah dinaiki air.
A Namun demikian
B Walaupun
C Apabila
D Pada

- 25 Gelas yang dipegang oleh Ahmad terhempas ke lantai pecah.
A kerana
B tetapi
C untuk
D lalu
- 26 Penduduk Kampung Geddes berasa kerana Menteri Besar susi datang ke kampung mereka.
A besar hati
B iri hati
C ada hati
D jauh hati
- 27 Kenakalan Ganesh telah menjadi penduduk di sekitarnya.
A buah hati
B iri hati
C ada hati
D jauh hati
- 28 Azman membawa lima buah durian dan se pisang sewaktu menziarahi neneknya.
A biji biji
B biji sisir
C biji buku
D tangkai biji
- 29 Berapa majalah dan beberapa kertas bertaburan di atas lantai
A helai helai
B lembar rangkap
C naskhah helai
D buku lembar
- 30 Amir membeli beberapa mata kail untuk mengail ikan di sungai itu.
A kuntum
B bentuk
C cucuk
D batang

Soalan 31 hingga Soalan 32

Pilih perkataan berlawanan bagi perkataan yang bergaris.

- 31 Kanak-kanak sedang berhimpun di dalam dewan
A bersurai
B berlari
C berkumpul
D berbaris

- 32 Abang melarang saya pergi ke rumah usang itu.
A membantah
B mengizinkan
C mematuhi
D menghalau

Soalan 33 hingga Soalan 34

Pilih perkataan yang paling sesuai menggantikan perkataan bergaris.

- 33 Pak Mat mengajak saya dan Ratna makan buah durian di dusunnya.
A menyuruh
B mempelawa
C meminta
D menyokong
- 34 Kebakaran sering berlaku kerana sikap cuai manusia.
A lalai
B lemah
C asyik
D gopoh

Soalan 35 hingga Soalan 36

Pilih ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.

- 35 A “Nathan, bagaimana keadaan datuk kamu,” tanya Nirmala.
B “Nathan bagaimana keadaan datuk kamu!” Tanya Nirmala.
C “Nathan, bagaimana, keadaan datuk kamu?” tanya Nirmala.
D “Nathan, bagaimana keadaan datuk kamu?” tanya Nirmala.
- 36 A “Apabila menyedari kemalangan itu saya segera menelefon pihak polis!” kata Hafiz.
B “Apabila menyedari kemalangan itu, saya segera menelefon pihak polis,” kata Hafiz.
C “Apabila menyedari kemalangan itu! Saya segera menelefon pihak polis,” kata Hafiz.
D “Apabila menyedari kemalangan itu saya, segera menelefon pihak polis.” kata Hafiz.

Soalan 37 dan Salan 39

Pilih jawapan yang betul bagi soalan yang bergaris.

- 37 Adakah sekolah kita memenangi pertandingan itu?
A Sekolah kita memenangi pertandingan itu.
B Ya, sekolah kita memenangi pertandingan itu
C Ya, sekolah itu memenangi pertandingan itu
D Sekolah kamu memenangi pertandingan itu.

- 38 "Siapa yang mengugut awak?"
- A tidak, saya tidak diugut oleh sesiapa pun.
 - B Oh, saya memang telah diugut, cikgu!
 - C Budak itu tidak pernah mengugut saya.
 - D Murid yang tinggi itulah yang mengugut saya.
- 39 Siapakah pemenang dalam pertandingan syarahan itu?
- A Sekolah kita telah memenangi pertandingan syarahan itu.
 - B Johan yang memenangi pertandingan syarahan itu.
 - C Priya telah gagal di dalam pertandingan syarahan itu.
 - D Ya, saya telah memenangi pertandingan syarahan itu.

Soalan 40 hingga Soalan 42

Pilih soalan yang sesuai untuk ayat yang bergaris.

- 40 Raju : _____

Anand : Bukan, buku ini kepunyaan Vijaya.

- A Buku ini kepunyaan Vijaya atau awak?
 - B Dimanakah buku itu diletakkan?
 - C Adakah buku ini kepunyaan Vijaya?
 - D Adakah buku ini kepunyaan awak?
- 41 Pada cuti sekolah yang akan datang, kami akan melawat ke Pulau Pinang.
- A Bilakah kamu akan melawat Pulau Pinang?
 - B Apakah kamu akan melawat Pulau Pinang?
 - C Bagaimanakah kamu akan ke Pulau Pinang?
 - D Berapa orangkah yang akan melawat Pulau Pinang/

- 42 Roslan: _____

Aznee: Cikgu Zuraimi akan bertukar ke Kuala Terengganu.

- A Di manakah Cikgu Zuraimi mengajar?
- B Bilakah Cikgu Zuraimi akan berpindah?
- C Ke manakah Cikgu Zuraimi akan berpindah?
- D Adakah Cikgu Zuraimi akan bertukar ke Kuala Terengganu?

Soalan 43 hingga Soalan 45

Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 43
- A Rambutnya gugur kerana dia berpenyakit.
 - B Buku itu gugur dari atas meja.
 - C Hatinya gugur apabila mengetahui bapanya kemalangan.
 - D Hujan gugur sejak semalam.

- 44 A Baju itu kelihatan gelap kerana terlalu kotor.
B Ibu menolak rayuan saya untuk menjadi askar gelap.
C Budak berkulit gelap itu adik saya.
D Dia berkelakuan begitu kerana hatinya gelap.
- 45 A Cikgu Herwinda menggeleng-geleng apabila tulisan Ramesh rosak.
B Bapa sedang membaiki motosikalnya yang rosak.
C Makanan yang sudah rosak itu tidak boleh di makan.
D Ali tidak dapat belajar kerana fikirannya rosak.

Soalan 46 hingga Soalan 48

Pilih soalan yang sama maksud dengan ayat yang bergaris.

- 46 “Silalah singgah di rumah baharu saya ini,” kata guru besar kepada saya.
A Guru besar mempelawa saya singgah di rumahnya.
B Saya dipelawa oleh guru besar supaya singgah di rumah baharunya.
C Saya bersila di rumah guru besar.
D Saya singgah di rumah baharu guru besar.
- 47 Cik Vicknes membeli barang-barang itu di sebuah pasar raya.
A Barang-barang itu dibeli oleh pasar raya Cik Vicknes
B Barang-barang Cik Viknes dibeli oleh sebuah pasar raya
C Barang-barang itu dibeli oleh Cik Vicknes di sebuah pasar raya.
D Cik Vicknes membeli barang-barang dan pasar raya.
- 48 Semasa berada di dalam kapal terbang, kita tidak dibenarkan menggunakan telefon bimbit.
A Telefon bimbit tidak boleh digunakan di dalam kapal terbang.
B Semasa menggunakan telefon bimbit, kita tidak boleh berada di dalam kapal terbang.
C Kita tidak boleh menggunakan telefon bimbit yang terdapat di dalam kapal terbang.
D Telefon yang digunakan tidak boleh dibimbit di dalam kapal terbang.

Soalan 49 hingga Soalan 50

Pilih susunan ayat-ayat berikut mengikut urutan yang betul?

- 49**
- I** Kakak tersenyum semasa membuka sampul surat itu.
 - II** Saya menghampiri kakak untuk memujuknya.
 - III** Beberapa ketika kemudian, kakak menangis pula.
 - IV** Kakak menerima sepucuk surat daripada nenek.
- A** III, I, II dan IV
B I, II, IV dan III
C IV, I, III dan II
D II, IV, III dan I
- 50**
- I** Mereka hendak membuat ulangkaji di situ.
 - II** Azam, Liew dan Vignes pergi ke perpustakaan
 - III** Bagaimanapun, perpustakaan negeri telah ditutup.
 - IV** Hari ini hari Sabtu.
- A** III, II, IV dan I
B IV, II, I dan III
C III, I, II dan IV
D I, IV, III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT